

# **BAB 4**

## **ANALISA DATA DAN PENEMUAN KAJIAN**

## **BAB 4**

### **ANALISA DATA DAN PENEMUAN KAJIAN**

#### **4.1 Pengenalan**

Bab ini menerangkan Analisa Data dan Penemuan Kajian termasuk Demografi Profil Responden dan Pengujian Objektif. Analisa ini telah dilaksanakan hasil maklumbalas dari responden di kawasan Negeri Perak dibawah pemerintahan Markas 2 Briged. Borang soal selidik sebanyak 150 set soalan yang diagihkan telah dikembalikan kesemuanya dan responden telah menjawab semua soalan dengan lengkap.

Bagi melaporkan hasil kajian, analisa data yang dibuat keatas responden dibahagikan kepada 5 bahagian. Bahagian A mengandungi sebanyak 9 soalan yang menghuraikan demografi responden secara analisa peratusan. Bahagian B hingga E mengandungi sebanyak 38 soalan berkaitan dengan Dasar dan Polisi, Pengurusan Sumber Manusia, Latihan dan Logistik serta Elaun yang akan menentukan ujian terhadap 4 objektif yang telah ditetapkan.

Pembuktian objektif kajian dibuat dengan melihat jadual Frekuensi, Kebolehpercayaan (Reliability test) dan Ujian Mean dengan menggunakan kaedah T Test.

#### **4.2 Demografi Profil Responden**

Seramai 150 responden telah terlibat didalam kajian ini. Hasil penemuan dari analisis yang dibuat melalui pakej SPSS untuk profil responden adalah seperti yang tertera di dalam **Jadual 4.1**.

**Jadual 4.1 Demografi Profil Responden**

Profil Responden	Jumlah Responden	Peratus
<u>Jantina</u>		
Lelaki	141	94
Perempuan	9	6
Jumlah	150	100
<u>Taraf Perkahwinan</u>		
Bujang	67	44.7
Kahwin	83	55.3
Jumlah	150	100
<u>Umur</u>		
20 tahun kebawah	16	10.7
21 – 25 tahun	39	26
26 – 30 tahun	27	18
31 – 35 tahun	21	14
36 – 40 tahun	34	22.7
41 tahun dan atas	13	8.7
Jumlah	150	100
<u>Kaum</u>		
Melayu	125	83.3
China	-	-
India	5	3.3
Lain – Lain Kaum	20	13.3
Jumlah	150	100

**Jadual 4.1 Demografi Profil Responden(Sambungan)**

Profil Responden	Jumlah Responden	Peratus
<u>Kelulusan Akademik</u>		
PMR dan bawah	61	40.7
SPM	69	46
STPM	6	4
Diploma	7	4.7
Ijazah/Sarjana	7	4.7
Jumlah	150	100
<u>Pendapatan Responden</u>		
Kurang dari RM1,000	74	49.3
RM1,000 – RM2,000	57	38
RM2,000 – RM3,000	11	7.3
RM3,000 – RM4,000	6	4
RM4,000 – RM5,000	-	-
RM5,000 dan atas	2	1.3
Jumlah	150	100
<u>Pangkat</u>		
Pegawai	25	16.7
Lain-lain Pangkat	125	83.3
Jumlah	150	100

**Jadual 4.1 Demografi Profil Responden(Sambungan)**

Profil Responden	Jumlah Responden	Peratus
<u>Pekerjaan Asal</u>		
Profesional	5	3.3
Pengurusan/ Pentadbiran	11	7.3
Teknikal	6	4
Ahli Perniagaan	10	6.7
Lain lain Pekerjaan	118	78.7
Jumlah	150	100_

**Jantina Responden.** Jadual 4.1 menunjukkan seramai 141(94%) orang responden adalah lelaki dan 9 (6%) orang responden adalah perempuan. Ini menunjukkan responden lelaki adalah lebih ramai daripada responden perempuan.

**Taraf Perkahwinan.** Pada keseluruhannya Jadual 4.1 menunjukkan responden yang telah berkahwin adalah lebih ramai daripada responden yang masih bujang iaitu seramai 67 (44.7%) orang responden masih bujang dan 83 (55.3%) orang responden yang sudah berkahwin.

**Umur Responden.** Pada keseluruhannya responden yang terbanyak adalah dalam lingkungan umur 21 hingga 25 tahun (26%) berbanding dengan responden yang sedikit terdiri dari anggota yang berumur 41 tahun seramai 8.7%.

**Kaum.** Jadual 4.1 menunjukkan responden daripada orang Melayu seramai 125 orang (83.3%), India seramai 5 orang (3.3%) . Tiada responden daripada Kaum China di ketiga-tiga pasukan yang di buat kajian di Negeri Perak dan bagi lain-lain kaum (Orang Asli) seramai 20 orang (13.3%).

**Kelulusan Akademik Responden.** Jadual 4.1 menunjukkan tahap kelulusan akademik responden yang telah terlibat dalam kajian soal selidik ini. Responden yang mempunyai kelulusan PMR dan SPM merupakan penyumbang teramai iaitu sekitar 86.7% dan bakinya yang berkelulusan SPM hingga ke peringkat sarjana seramai 20 orang (13.3%).

**Pendapatan Bulanan Responden.** Jadual 4.1 menunjukkan penyata dan peratusan pendapatan bulanan bagi pekerjaan utama responden. Kajian menunjukkan majoriti responden berpendapatan RM 2000.00 kebawah iaitu secara keseluruhannya 131 orang (87.3%). Selebihnya berpendapatan antara RM 2000.00 hingga RM 4000.00 seramai 17 orang( 11.3%) dan seramai 2 orang(1.3%) responden berpendapatan melebihi RM 5000.00. Tiada responden yang mempunyai pendapatan antara RM 4000.00 hingga RM 5000.00.

**Pangkat Responden.** Jadual 4.1 menunjukkan responden yang berpangkat pegawai seramai 25 orang (16.7%) dan responden lain-lain pangkat seramai 125 orang (83.3%).

**Tempoh Perkhidmatan Responden.** Jadual 4.1 menunjukkan peratusan jangkamasa perkhidmatan responden semasa kajian soalselidik dilaksanakan. Di dapati responden yang telah berkhidmat dalam jangkamasa kurang 5 tahun seramai 41 orang

(27.3%), antara 5 hingga 10 tahun seramai 37 orang (24.7%), antara 10 hingga 15 tahun seramai 26 orang (17.3%), antara 15 hingga 20 tahun seramai 18 orang (12%) dan melebihi 20 tahun seramai 28 orang (18.7%).

**Pekerjaan Asal Responden.** Jadual 4.1 menunjukkan peratusan pekerjaan asal responden semasa kajian soalselidik dilaksanakan. Di dapati responden dalam kategori professional seramai 5 orang (3.3%), bekerja dalam bidang pengurusan dan pentadbiran seramai 11 orang (7.3%), dalam bidang teknikal seramai 6 orang (4%), sebagai ahli perniagaan seramai 10 orang (6.7%) dan lain-lain pekerjaan seramai 118 orang (78.7%).

#### **4.3 Menuji Tahap Kebolehpercayaan Maklumbalas Responden**

Bagi menguji tahap kebolehpercayaan maklumbalas responden adalah mengambilkira nilai  $\alpha$  iaitu 0.6 (Peter, 1979) yangmana jika nilai  $\alpha$  melebihi 0.6 menunjukkan tahap kebolehpercayaan maklumbalas responden adalah konsisten. Keputusan nilai  $\alpha$  bagi kajian ini adalah seperti berikut:

Dasar Dan Polisi (7 perkara)	$\alpha$	=	<b>.6143</b>
Pengurusan Sumber Manusia (11 perkara)	$\alpha$	=	<b>.6857</b>
Latihan (16 perkara)	$\alpha$	=	<b>.6920</b>
Logistik Dan Elaun (4 perkara)	$\alpha$	=	<b>.7569</b>

Berdasarkan kepada keputusan ini ianya menunjukkan kesemua maklumbalas responden (seperti perkara diatas) adalah mempunyai nilai  $\alpha$  lebih daripada 0.6. Ini membuktikan bahawa tahap kebolehpercayaan responden adalah konsisten.

#### 4.4 Pengujian Objektif

Matlamat kajian ini adalah bagi mengenalpasti Kemampuan Askar Wataniah Menambah Besar ('Augment') Angkatan Tetap. Terdapat empat objektif yang telah dikenalpasti serta dibuat soal selidik, selaras dengan soalan kajiselidik dari Bahagian B hingga Bahagian E seperti berikut:

**Objektif 1.** Bertujuan untuk menguji samada Dasar dan Polisi mempengaruhi keyakinan diri dalam Kemampuan Askar Wataniah bagi Menambahbesar Angkatan Tetap.

**Objektif 2.** Bertujuan untuk menguji samada Pengurusan Sumber Manusia memberi kesan kepada Kemampuan Askar Wataniah bagi Menambahbesar Angkatan Tetap.

**Objektif 3.** Bertujuan untuk menguji samada Latihan memberi kesan kepada Kemampuan Askar Wataniah bagi Menambahbesar Angkatan Tetap.

**Objektif 4.** Bertujuan untuk menguji samada Logistik dan Elaun memberi kesan kepada Kemampuan Askar Wataniah bagi Menambah Besar Angkatan Tetap.

#### 4.5 Keputusan Ujian Terhadap Jawapan Responden

Pada keseluruhannya keputusan ujian terhadap jawapan responden adalah Bahagian B hingga E iaitu objektif 1 hingga 4 seperti berikut:



**Objektif 1.** Menguji samada Dasar dan Polisi mempengaruhi keyakinan diri dalam Kemampuan Askar Wataniah bagi Menambah Besar Angkatan Tetap.

**Jadual 4.2 Penyata Keputusan Ujian Terhadap Dasar dan Polisi**

Dasar dan Polisi	Keputusan Ujian			
	Tidak Bersetuju		Bersetuju	
	Jumlah	%	Jumlah	%
Dasar Pertahanan Negara yang ada sekarang memainkan peranan yang penting di dalam organisasi Askar Wataniah	20	13.3	130	86.7
Dasar dan polisi Askar Wataniah yang ada sekarang memainkan peranan yang penting di dalam organisasi	23	15.3	127	84.7
Dasar dan Polisi yang sedia ada difahami oleh semua peringkat anggota Askar Wataniah	58	38.7	92	61.3
Pengurusan Askar Wataniah adalah berlandaskan kepada Dasar dan Polisi yang sedia ada	40	26.7	110	73.3
Dasar dan Polisi yang sedia ada adalah seiring dengan keadaan dan keperluan semasa.	48	32	102	68

**Jadual 4.2    Penyata Keputusan Ujian Terhadap Dasar dan Polisi**  
**(Sambungan)**

Dasar dan Polisi yang sedia ada perlu dibuat kajian semula dan dikemaskini sesuai dengan keadaan semasa	16	10.7	134	89.3
Birokrasi Polisi dan dasar-dasar yang sedia ada menghadkan seseorang untuk memasuki Askar Wataniah	78	52	72	48

Jadual 4.2 menunjukkan keputusan jawapan responden yang telah dikodkan semula kepada 2 kategori iaitu 1( Tidak Bersetuju ) dan 2 (Bersetuju), dimana dapat dilihat peratusan yang memberi jawapan bersetuju adalah lebih tinggi daripada yang tidak bersetuju kecuali soalan akhir dimana responden tidak bersetuju 52% mengatasi bersetuju 48%.

Majoriti responden memberi jawapan bersetuju dengan dasar dan polisi yang sedia ada dan berkeyakinan bahawa dasar dan polisi ini boleh membantu di dalam meningkatkan kemampuan Askar Wataniah bagi menambah besar Angkatan Tetap. Walau bagaimanapun daripada kajian menunjukkan terdapat sedikit birokrasi dalam polisi dan dasar yang menghadkan seseorang untuk memasuki Askar Wataniah.

Bagi mengukur objektif 1, pengujian tahap signifikan perbezaan antara pembolehubah menggunakan kaedah T Test.

**Jadual 4.3 Penyata Keputusan Ujian Mean Terhadap Dasar dan Polisi**

Dasar dan Polisi	Mean	Std. Deviation	Signifikan
Dasar Pertahanan Negara yang ada sekarang memainkan peranan yang penting di dalam organisasi Askar Wataniah	1.8667	.34107	.000
Dasar dan polisi Askar Wataniah yang ada sekarang memainkan peranan yang penting di dalam organisasi	1.8467	.36152	.000
Dasar dan Polisi yang sedia ada difahami oleh semua peringkat anggota Askar Wataniah	1.6133	.48862	.000
Pengurusan Askar Wataniah adalah berlandaskan kepada Dasar dan Polisi yang sedia ada	1.7333	.44370	.000
Dasar dan Polisi yang sedia ada adalah seiring dengan keadaan dan keperluan semasa.	1.6800	.46804	.000
Dasar dan Polisi yang sedia ada perlu dibuat kajian semula dan dikemaskini sesuai dengan keadaan semasa	1.8933	.30972	.000

**Jadual 4.3 Penyata Keputusan Ujian Mean Terhadap Dasar dan Polisi**  
**(Sambungan)**

Birokrasi Polisi dan dasar-dasar yang sedia ada menghadkan seseorang untuk memasuki Askar Wataniah	1.4800	.50127	.000
--	--------	--------	------

**Rumusan:** Jadual 4.3 menunjukkan kesemua soalan mempunyai nilai  $P(0.000)$  kurang daripada 0.05. Ini menunjukkan bahawa Dasar dan Polisi memberi kesan kepada Kemampuan Askar Wataniah Bagi Menambahbesar Angkatan Tetap. Ini menunjukkan Dasar dan Polisi yang sedia ada masih lagi boleh digunakan dan perlu dikekalkan.

**Objektif 2.** Pengurusan Sumber Manusia memberi kesan kepada Kemampuan Askar Wataniah Menambahbesar Angkatan Tetap.

**Jadual 4.4 Penyata Keputusan Ujian Terhadap Pengurusan Sumber Manusia**

Pengurusan Sumber Manusia	Keputusan Ujian			
	Tidak Bersetuju		Bersetuju	
	Jumlah	%	Jumlah	%
Saya berkhidmat dalam Askar Wataniah kerana ingin berbakti kepada negara	11	7.3	139	92.7

**Jadual 4.4 Penyata Keputusan Ujian Terhadap Pengurusan Sumber Manusia (Sambungan)**

Saya berkhidmat di dalam Askar Wataniah kerana untuk menambah pendapatan	46	30.7	104	69.3
Jika diberi peluang, saya ingin melanjutkan perkhidmatan saya.	6	4	144	96
Perkhidmatan Askar Wataniah membentuk disiplin dan mempertingkatkan keyakinan diri saya	11	7.3	139	92.7
Pasukan mengambil berat tentang kebajikan saya	53	35.3	97	64.7
Saya galakkan anak-anak muda memasuki tentera	9	6	141	94
Saya akan memberi perkhidmatan yang terbaik kepada unit.	8	5.3	142	94.7
Saya minat berkhidmat di dalam pasukan ini.	31	20.7	119	79.3
Saya sedia untuk digerakkan dalam masa yang ditetapkan	12	8	138	92

**Jadual 4.4 Penyata Keputusan Ujian Terhadap Pengurusan Sumber Manusia (Sambungan)**

Saya tidak menghadapi sebarang masalah untuk menggunakan kemahiran saya dalam melaksanakan tugas harian	26	17.3	124	82.7
Majoriti anggota Askar Wataniah merasa bangga menjadi anggota pasukan ini	28	18.7	122	81.3

Jadual 4.4 menunjukkan keputusan kekerapan dan peratusan jawapan responden yang telah dikodkan semula kepada 2 kategori iaitu 1( Tidak Bersetuju ) dan 2 (Bersetuju). Secara keseluruhannya didapati peratusan yang memberi jawapan bersetuju adalah lebih tinggi daripada yang tidak bersetuju. Ini menunjukkan Pengurusan Sumber Manusia bagi anggota Askar Wataniah yang sedia ada adalah sesuai dan boleh dipraktikkan.

Secara keseluruhannya peratusan responden yang memberi jawapan bersetuju adalah lebih tinggi daripada yang tidak bersetuju.

Bagi mengukur objektif 2, pengujian tahap signifikan perbezaan antara pembolehubah menggunakan kaedah T Test.

**Jadual 4.5 Penyata Keputusan Ujian Mean Terhadap Pengurusan Sumber Manusia**

Pengurusan Sumber Manusia	Mean	Std. Deviation	Signifikan
Saya berkhidmat dalam Askar Wataniah kerana ingin berbakti kepada negara	1.9267	.26156	.000

**Jadual 4.5 Penyata Keputusan Ujian Mean Terhadap Pengurusan Sumber Manusia (Sambungan)**

Saya berkhidmat di dalam Askar Wataniah kerana untuk menambah pendapatan	1.6933	.46265	.000
Jika diberi peluang, saya ingin melanjutkan perkhidmatan saya.	1.9600	.19662	.000
Perkhidmatan Askar Wataniah membentuk disiplin dan mempertingkatkan keyakinan diri saya	1.9267	.26156	.000
Pasukan mengambil berat tentang kebajikan saya	1.6467	.47961	.000
Saya galakkan anak-anak muda memasuki tentera	1.9400	.23828	.000
Saya akan memberi perkhidmatan yang terbaik kepada unit.	1.9467	.22545	.000
Saya minat berkhidmat di dalam pasukan ini.	1.7933	.40627	.000
Saya sedia untuk digerakkan dalam masa yang ditetapkan	1.9200	.27220	.000

**Jadual 4.5 Penyata Keputusan Ujian Mean Terhadap Pengurusan Sumber Manusia (Sambungan)**

Saya tidak menghadapi sebarang masalah untuk menggunakan kemahiran saya dalam melaksanakan tugas harian	1.8267	.37980	.000
Majoriti anggota Askar Wataniah merasa bangga menjadi anggota pasukan ini	1.8133	.39095	.000

**Rumusan.** Jadual 4.5 menunjukkan kesemua soalan mempunyai nilai  $P(0.000)$  kurang daripada 0.05. Ini menunjukkan bahawa Pengurusan Sumber Manusia memberi kesan kepada Kemampuan Askar Wataniah Bagi Menambahbesar Angkatan Tetap. Ini menunjukkan Pengurusan Sumber Manusia adalah sangat signifikan dalam kajian ini.

**Objektif 3.** Latihan memberi kesan kepada Kemampuan Askar Wataniah bagi Menambahbesar Angkatan Tetap.



**Jadual 4.6 Penyata Keputusan Ujian Terhadap Latihan**

Latihan	Keputusan Ujian			
	Tidak Bersetuju		Bersetuju	
	Jumlah	%	Jumlah	%
Latihan tidak dapat dijalankan dengan berkesan kerana tugas-tugas tambahan pasukan.	56	37.3	94	62.7
Latihan Ketenteraan memberi motivasi kepada saya untuk berjaya dalam perkhidmatan.	21	14	129	86
Saya berpuas hati terhadap latihan-latihan dan ekksesais yang di adakan di pasukan.	44	29.3	106	70.7
Latihan yang dijalankan di dalam pasukan amat bermanfaat saya.	37	24.7	113	75.3
Kursus-kursus yang dirancang oleh pasukan adalah bersesuaian dengan tanggungjawab saya	30	20	120	80
Saya melaksanakan latihan hanya untuk memenuhi keperluan latihan sahaja	95	63.3	55	36.7
Peralatan latihan adalah mencukupi untuk melaksanakan latihan.	104	69.3	46	30.7

**Jadual 4.6 Penyata Keputusan Ujian Terhadap Latihan( Sambungan)**

Latihan yang diadakan dipasukan meningkatkan kemahiran dalam tugas dan tanggungjawab saya.	32	21.3	118	78.7
Latihan yang dijalankan di pasukan mendapat komitmen di semua peringkat	45	30	105	70
Kaedah latihan yang dilaksanakan adalah secara teori dan praktikal.	23	15.3	127	84.7
Jangkamasa latihan dan eksekusi di pasukan adalah mencukupi.	65	43.3	85	56.7
Pasukan mempunyai tenaga pengajar/ jurulatih yang berkelayakan untuk latihan yang dilaksanakan.	51	34	99	66
Latihan yang diadakan mengikut jadual latihan yang dikeluarkan.	54	36	96	64
Latihan yang dilaksanakan tidak menjurus kepada tahap untuk meningkatkan tahap kesiapsiagaan pasukan.	83	55.3	67	44.7
Pada keseluruhan, latihan di pasukan telah memberi keyakinan kepada saya untuk menghadapi tugas-tugas di medan.	30	20	120	80

**Jadual 4.6 Penyata Keputusan Ujian Terhadap Latihan( Sambungan)**

Saya amat berminat untuk menyertai sebarang latihan yang dianjurkan oleh pasukan saya	27	18	123	82
---	----	----	-----	----

Jadual 4.6 menunjukkan keputusan kekerapan dan peratusan jawapan responden yang telah dikodkan semula kepada 2 kategori iaitu 1( Tidak Bersetuju ) dan 2 (Bersetuju). Bagi soalan 6, 7 dan 14, responden lebih ramai memberi jawapan tidak bersetuju sementara majoritinya soalan-soalan yang lain responden memberi jawapan bersetuju. Latihan yang dijalankan hanya memenuhi keperluan latihan dan tidak mencukupi disebabkan kekurangan peralatan dan tidak menjuruskan kepada tahap kesiapsiagaan pasukan Askar Wataniah.

Bagi mengukur objektif 3, pengujian tahap signifikan perbezaan antara pembolehubah menggunakan kaedah T Test.

**Jadual 4.7 Penyata Keputusan Ujian Mean Terhadap Latihan**

Latihan	Mean	Std. Deviation	Signifikan
Latihan tidak dapat dijalankan dengan berkesan kerana tugas-tugas tambahan pasukan.	1.6267	.48531	.000

**Jadual 4.7    Penyata Keputusan Ujian Mean Terhadap Latihan**  
**(Sambungan)**

Latihan Ketenteraan memberi motivasi kepada saya untuk berjaya dalam perkhidmatan.	1.8600	.34815	.000
Saya berpuas hati terhadap latihan-latihan dan eksekusi yang di adakan di pasukan.	1.7067	.45682	.000
Latihan yang dijalankan di dalam pasukan amat bermanfaat saya.	1.7533	.43252	.000
Kursus-kursus yang dirancang oleh pasukan adalah bersesuaian dengan tanggungjawab saya	1.8000	.40134	.000
Saya melaksanakan latihan hanya untuk memenuhi keperluan latihan sahaja	1.3667	.48351	.000
Peralatan latihan adalah mencukupi untuk melaksanakan latihan.	1.3067	.46265	.000
Latihan yang diadakan dipasukan meningkatkan kemahiran dalam tugas dan tanggungjawab saya.	1.7867	.41103	.000

**Jadual 4.7    Penyata Keputusan Ujian Mean Terhadap Latihan  
(Sambungan)**

Latihan yang dijalankan di pasukan mendapat komitmen di semua peringkat	1.7000	.45979	.000
Kaedah latihan yang dilaksanakan adalah secara teori dan praktikal.	1.8467	.36152	.000
Jangkamasa latihan dan eksekusi di pasukan adalah mencukupi.	1.5667	.49720	.000
Pasukan mempunyai tenaga pengajar/ jurulatih yang berkelayakan untuk latihan yang dilaksanakan.	1.6600	.47530	.000
Latihan yang diadakan mengikut jadual latihan yang dikeluarkan.	1.6400	.48161	.000
Latihan yang dilaksanakan tidak menjurus kepada tahap untuk meningkatkan tahap kesiapsiagaan pasukan.	1.4467	.49881	.000
Pada keseluruhan, latihan di pasukan telah memberi keyakinan kepada saya untuk menghadapi tugas-tugas di medan.	1.8000	.40134	.000
Saya amat berminat untuk menyertai sebarang latihan yang dianjurkan oleh pasukan saya	1.8200	.38547	.000

**Rumusan.** Jadual 4.7 menunjukkan kesemua soalan mempunyai nilai  $P(0.000)$  kurang daripada 0.05. Ini menunjukkan bahawa Latihan memberi kesan keatas Kemampuan Askar Wataniah bagi Menambahbesar Angkatan Tetap. Keseluruhannya daripada 16 soalan yang diberikan adalah sangat signifikan di dalam kajian ini.

**Objektif 4.** Logistik dan Elaun memberi kesan kepada Kemampuan Askar Wataniah bagi Menambahbesar Angkatan Tetap.

**Jadual 4. 8 Penyata Keputusan Ujian Terhadap Logistik dan Elaun**

Logistik dan Elaun	Keputusan Ujian			
	Tidak Bersetuju		Bersetuju	
	Jumlah	%	Jumlah	%
Saya berpuashati dengan kadar elaun yang diperuntukan	101	67.3	49	32.7
Saya berpuashati dengan kemudahan-kemudahan yang disediakan	103	68.7	47	31.3
Sistem senggaraan yang ada dapat memberikan keberkesanan kepada pasukan di dalam melaksanakan tugas	82	54.7	68	45.3
Saya berpuashati dengan keadaan bangunan dan infrastruktur tempat tinggal	105	70	45	30

Bagi memudahkan penelitian kajian ke atas soalselidik, jawapan responden telah dikodkan semula kepada 2 ketegori iaitu 1, 2 dan 3 dikodkan

kepada 1( Tidak Bersetuju). Sementara 4 dan 5 dikodkan kepada 2 (Bersetuju). Jadual 4.8 menunjukkan peratusan yang memberi jawapan tidak bersetuju adalah lebih tinggi daripada yang bersetuju. Pada keseluruhannya responden tidak berpuashati dari segi peruntukkan elaun dan peralatan logistik yang diberikan.

Peratusan responden yang memberi jawapan tidak bersetuju adalah lebih tinggi daripada yang bersetuju. Disamping itu seramai 70% tidak berpuas hati dengan keadaan bangunan dan infrastruktur tempat tinggal yang mana ianya adalah jumlah mata paling tertinggi dalam bahagian ini.

Bagi mengukur objektif 4, pengujian tahap signifikan perbezaan antara pembolehubah menggunakan kaedah T Test.

**Jadual 4.9    Penyata Keputusan Ujian Mean Terhadap Logistik dan Elaun**

Logistik dan Elaun	Mean	Std. Deviation	Signifikan
Saya berpuashati dengan kadar elaun yang diperuntukan	1.3267	.47057	.000
Saya berpuashati dengan kemudahan-kemudahan yang disediakan	1.3133	.46540	.000
Sistem senggaraan yang ada dapat memberikan keberkesanan kepada pasukan di dalam melaksanakan tugas	1.4533	.49949	.000
Saya berpuashati dengan keadaan bangunan dan infrastruktur tempat tinggal	1.3000	.45979	.000

**Rumusan.** Jadual 4.9 menunjukkan kesemua soalan mempunyai nilai  $P(0.000)$  kurang daripada 0.05. Ini menunjukkan bahawa Logistik dan Elaun memberi kesan kepada Kemampuan Askar Wataniah bagi Menambah Besar Angkatan Tetap. Ini menunjukkan logistik dan elaun adalah sangat signifikan keatas kajian ini.

**Jadual 4. 10 Ringkasan Keputusan Keseluruhan Soal Selidik Keatas Responden**

Perkara	Kemampuan Askar Wataniah Menambah Besar Angkatan Tetap		
	Bersetuju (Mampu) (%)	Tidak Bersetuju (Tidak Mampu) (%)	Jumlah Peratusan (%)
Dasar dan Polisi	73%	27%	100%
Pengurusan Sumber Manusia	85%	15%	100%
Latihan	67%	33%	100%
Logistik dan Elaun	35%	65%	100%

Jadual 4.10 menunjukkan ringkasan keputusan secara keseluruhan tentang pendapat responden berkaitan perkara Dasar dan Polisi, Pengurusan Sumber Manusia, Latihan, Logistik dan Elaun serta kesannya keatas Kemampuan Askar Wataniah Menambah Besar Angkatan Tetap. Keputusan berkaitan dengan Dasar dan Polisi, Pengurusan Sumber Manusia dan Latihan menunjukkan responden lebih banyak bersetuju daripada tidak bersetuju tetapi keputusan berkaitan aspek Logistik dan Elaun menunjukkan lebih ramai responden yang tidak bersetuju daripada bersetuju. Ini menjelaskan bahawa Dasar dan Polisi, Pengurusan Sumber Manusia dan Latihan yang sedia ada perlu dikekalkan sementara aspek Logistik dan Elaun perlu diberi perhatian dan dipertingkatkan bagi menggalakan penyertaan anggota sukarela yang lebih aktif



di dalam Askar Wataniah. Selain daripada itu perkara Logistik dan Elaun juga menjadi punca utama yang boleh memberi kesan kepada Kemampuan Askar Wataniah Menambah Besar Angkatan Tetap. Berdasarkan daripada fakta-fakta diatas bolehlah dibuat kesimpulan iaitu kekurangan penyertaan dan ketidakaktifan anggota sukarela dalam menjalani aktiviti-aktiviti di pasukan Askar Wataniah adalah disebabkan oleh keperluan logistik dan elaun yang tidak menepati kehendak semasa.

#### **4.6 Ringkasan Bab**

Bab ini bertujuan untuk menguji 4 objektif berkaitan dengan Profil Responden, Dasar dan Polisi, Pengurusan Sumber Manusia, Latihan, Logistik dan Elaun serta hubungkaitnya dengan Kemampuan Askar Wataniah bagi Menambahbesar Angkatan Tetap. Pada keseluruhannya responden adalah terdiri daripada 10 % pegawai dan 90% Lain-lain Pangkat serta majoriti adalah anggota yang telah berkahwin iaitu seramai 55.3%. Kebanyakan responden bersetuju bahawa Dasar dan Polisi serta Pengurusan Sumber Manusia yang sedia dipraktikkan masih boleh digunapakai dan masih lagi berkaitan serta memberi kesan kepada kemampuan Askar Wataniah di dalam menambah besar Angkatan Tetap. Bagi faktor latihan ramai responden kurang berpuas hati dimana latihan yang dijalankan hanya memenuhi keperluan latihan sahaja dan tidak mencukupi disebabkan kekurangan peralatan dan tidak menjuruskan kepada tahap kesiapsiagaan untuk menambah besar Angkatan Tetap. Faktor logistik dan elaun adalah menjadi perkara utama dalam kajian ini dimana sebanyak 4 soalan yang diutarakan, mendapat jawapan yang menunjukkan responden tidak berpuas hati adalah paling tinggi. Justeru itu ianya perlu diubahsuai bagi memenuhi keperluan untuk meningkatkan kemampuan Askar Wataniah menambahbesar Angkatan Tetap.